

# F-Secure Mobile Security™ for UIQ

## 1. Pemasangan dan Pengaktifan

### Pemasangan

#### Untuk memasang:

- Muat turun fail pemasangan ke komputer anda dan gerakkannya kepada peranti,
- Muat turun fail pemasangan ke komputer anda dan pasang produk melalui Sony Ericsson PC Suite atau
- Muat turun pemasangan terus ke peranti anda. Pemasangan bermula secara automatik.

Selepas pemasangan, mulakan peranti semula jika anda digesa untuk berbuat demikian. Apabila pemasangan sudah lengkap, anda perlu mengaktifkan produk. Produk ini tidak akan melindungi peralatan anda jika anda belum mengaktifkannya.

### Pengaktifan

#### Untuk memulakan pengaktifan:

1. Buka aplikasi. Skrin Selamat Datang akan terpapar.
2. Tekan **Teruskan** untuk bersambung.
3. Pilih jenis pengaktifan:
  - Untuk memulakan tempoh penilaian **Penilaian percuma** sebagai jenis pengaktifan jika sedia ada dan tekan **Siap**, atau
  - Untuk memiliki versi berlesen penuh, pilih **Kod langganan** sebagai jenis pengaktifan, dan tekan **Siap**. Masukkan nombor langganan dan tekan **Siap**.
4. Tekan **Ya** untuk disambungkan kepada perkhidmatan kemas kini dan mula memuat turun kemas kini, atau tekan **Tidak** untuk membatalkan pengaktifan.

Aplikasi akan bersambung kepada perkhidmatan kemas kini dan menghantar nombor langganan anda. Semasa kemas kini pertama, aplikasi memuat turun pangkalan data definisi virus yang terkini.
5. Apabila muat turun sudah lengkap, satu mesej akan memberitahu anda bahawa pendaftaran berjaya dan aplikasi telah diaktifkan. Tekan **Teruskan** untuk menamatkan pengaktifan.
6. Selepas menamatkan pengaktifan, imbas peranti anda untuk virus bagi memastikan peranti anda adalah bersih. Lihat bahagian **Mengimbas Virus** di bawah.



*Anda patut mengimbas peranti anda ketika aplikasi meminta anda untuk berbuat demikian.*

## 2. Mengimbas Virus

F-Secure Mobile Security bekerja di belakang tabir dan mengimbas fail anda secara automatik.

1. Jika virus dijumpai dalam imbasan masa nyata, satu mesej akan terpapar. Tekan **Ya** untuk melihat fail (fail-fail) terjangkit, atau **Tidak** untuk menutup dialog ini.
2. Pandangan Jangkitan mengandungi senarai fail terjangkit pada peranti dan keadaan fail tersebut (sama ada dikuarantin atau dibebaskan).
3. Untuk melihat dengan lebih terperinci tentang fail yang dijangkiti, pilih fail dan pilih **Butiran** dari menu.

### Memproses Fail Terjangkit

**Memproses fail yang dijangkiti:**

1. Dalam pandangan Jangkitan, pilih fail yang dijangkiti untuk diproses.
2. Pilih **Proses ditandakan** dari menu.
3. Dari menu **Proses ditandakan** pilih tindakan yang diinginkan.

Anda boleh memproses fail terjangkit dengan salah satu cara berikut:

- **Kuarantin** - kuarantin fail terjangkit. Fail terkuarantin adalah terkunci dan tidak boleh mengancam peranti anda apabila F-Secure Mobile Security telah dihidupkan.
- **Padam** - padam fail terjangkit. Ini ialah pilihan yang digalakkan. Fail akan disingkirkan selengkapnya daripada peranti anda.
- **Lepaskan** - lepaskan fail terkuarantin. Jika anda melepaskan satu fail, ia tidak akan dikuncikan lagi. Anda mengaksesnya pada risiko sendiri.

## 3. Mengelakkan Trafik Rangkaian yang Tidak Dibenarkan

Firewall di F-Secure Mobile Security bekerja dengan senyap di belakang tabir. Ia memantau maklumat rangkaian dan Internet yang keluar dan masuk, serta melindungi anda dari cubaan masukan tidak diinginkan. Paras firewall yang dipraktikrif membolehkan anda untuk mengubah paras perlindungan dengan segera mengikut keperluan anda.

### Memilih Paras Firewall

**Untuk memilih paras firewall:**

1. Dalam sebarang pandangan, pilih **Tetapan** dari menu.
2. Pilih **Perlindungan Firewall** dan pilih tahap firewall yang diinginkan:
  - **Benarkan Semua** - membolehkan semua trafik rangkaian.
  - **Biasa** - membolehkan semua sambungan keluar dan menyekat semua trafik yang masuk.
  - **Tinggi** - membolehkan aplikasi yang biasa digunakan dan menyekat semua trafik yang masuk.
  - **Nafikan Semua** - menyekat semua trafik rangkaian.
3. Tekan **Siap**.

## 4. Memastikan Produk Terkemas Kini

### Kemas Kini Automatik

F-Secure Mobile Security ada menyediakan perkhidmatan kemas kini automatik. Dengan itu, pangkalan data definisi virus dalam aplikasi adalah dikemas kini selalu. Hanya pangkalan data definisi virus terkemas kini yang akan melindungi peranti anda daripada virus terkini. Kemas kini automatik adalah dalam penggunaan selepas anda mengaktifkan produk.

Aplikasi memerlukan sambungan Internet yang aktif untuk kemas kini. Apabila sambungan Internet sedia ada, aplikasi akan menyemak kali terakhir pengemaskinian pangkalan data definisi virus dan akan memuat turun kemas kini baru jika perlu.

#### Kemas KiniVersi

**Untuk mengemaskini aplikasi secara manual:**

1. Dalam sebarang pandangan, pilih **Kemaskini** dari menu.
2. Pilih pusat akses Internet untuk bersambung kepada pelayan kemas kini. Aplikasi memuat turun pangkalan data definisi virus terkini dan menggunakannya dengan serta-merta.
3. Apabila kemaskini telah siap, tekan **Ya** untuk mengimbas peranti anda untuk virus jika anda digesa untuk berbuat demikian. Lihat bahagian **Mengimbas Virus** di atas.

#### Kemas KiniVersi

Apabila versi baru F-Secure Mobile Security sedia ada, satu mesej akan meminta anda untuk memuat turunnya. Aplikasi dimulakan semula secara automatic apabila kemaskini telah lengkap.

## Sokongan Teknikal

Untuk maklumat lanjut, muat turun Panduan Pengguna *F-Secure Mobile Security for UIQ User's Guide* (tersedia ada dalam bahasa Inggeris) di <http://mobile.f-secure.com/>

Jika anda mempunyai soalan tentang aplikasi yang tidak dicakupi dalam panduan atau perkhidmatan dalam talian, anda boleh terus menghubungi pengedar tempatan F-Secure atau F-Secure Corporation.

---

#### PENAFIAN

"F-Secure" dan simbol segitiga merupakan tanda niaga berdaftar F-Secure Corporation dan nama produk serta simbol/logo F-Secure adalah sama ada tanda niaga atau tanda niaga berdaftar F-Secure Corporation. Semua nama produk yang dirujuk di sini adalah tanda niaga atau tanda niaga berdaftar untuk syarikat masing-masing. F-Secure Corporation menafikan kepentingan hak milik dalam tanda-tanda dan nama-nama lain. Walaupun F-Secure Corporation berusaha untuk memastikan ketepatan maklumat ini, F-Secure Corporation tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan atau kesingkiran fakta yang terkandung di sini. F-Secure Corporation memelihara hak untuk mengubahsuai spesifikasi ternyata dalam dokumen ini tanpa notis awal.

Syarikat, nama dan data digunakan dalam contoh di sini adalah rekaan kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Tiada bahagian dokumen ini boleh dihasilkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, elektronik atau mekanikal, untuk sebarang tujuan, tanpa kebenaran bertulis daripada F-Secure Corporation.

Produk ini mungkin dicakupi oleh satu atau lebih paten F-Secure, termasuk yang di bawah:  
GB2353372, GB2366691, GB2366692, GB2366693, GB2367933, GB2368233, GB2374260

Hakcipta © 2007 F-Secure Corporation. Semua hak terpelihara

